

**UCAPAN  
YANG MULIA  
DR AWANG ABD MANAF HAJI METUSSIN  
SETIAUSAHA TETAP  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BAGI  
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL LANTIKAN  
KETUA KAMPUNG MADANG,  
MUKIM BERAKAS 'B',  
DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

**[AWANG HAJI EMRAN BIN HAJI ISMAIL]**

**Pada:  
Hari Selasa (Malam Rabu)  
10 Jamadilakhir 1436 / 31 Mac 2015**

**Di alamat  
No. 20, Simpang 82, Kampung Madang  
Mukim Berakas 'B'  
Daerah Brunei dan Muara.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain,  
Penghulu Mukim Berakas 'A';

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin,  
Penghulu Mukim Gadong 'A';

Yang Berhormat Awang Haji Gapor@Haji Mohd Daud  
bin Karim, Ketua Kampung Belimbing;

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, Ketua  
Kampung Putat;

Selaku Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Mulia,

Awang Mohammad Sunadi bin Haji Buntar,

Timbalan Setiausaha Tetap,

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Yang Mulia,  
Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd Hussain,  
Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara;

Yang Mulia,  
Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon,  
Pengkulu Mukim Berakas 'B';

Yang Mulia,  
Awang Haji Emran bin Haji Ismail,  
Ketua Kampung Madang yang diraikan pada malam  
ini;

Yang Mulia Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

Pengkulu-Pengkulu Mukim dan Ketua-Ketua  
Kampung yang disampiri gelaran;

Pengkulu-Pengkulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung;

Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung dan Penduduk-  
Penduduk Kampung Madang;

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**1. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua membolehkan kita semua hadir pada malam ini bagi menghadiri majlis yang penuh bermakna khususnya kepada penduduk-penduduk di Kampung Madang, Mukim Berakas 'B' iaitu Majlis Penyampaian Sijil Lantikan kepada Ketua Kampung yang baru bagi Kampung Madang iaitu kepada Yang Mulia Awang Haji Emran bin Haji Ismail.**

2. Terlebih dahulu peramba / kaola / saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan ahli-ahli Jawatankuasa penyelenggara majlis pada malam ini, di atas penghormatan yang diberikan bagi peramba / kaola / saya hadir selaku Tetamu Kehormat bagi menyempurnakan Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung pada malam ini dan seterusnya diberi kesempatan menyampaikan ucapan.

3. Alhamdulillah, sepertimana yang sama-sama kita maklumi bahawa Yang Mulia, Awang Haji Emran bin Haji Ismail telahpun melaporkan diri untuk bertugas pada 02 Mac 2015 yang lalu. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau di atas lantikan sebagai Ketua Kampung yang baru bagi Kampung

Madang ini yangmana lantikan tersebut adalah atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setelah meraih majoriti sokongan daripada penduduk-penduduk di kampung ini semasa Majlis Pemilihan dan Pengundian Ketua Kampung Madang yang telah diadakan sebelum ini.

4. Dengan adanya lantikan Ketua Kampung yang baru ini, peramba / kaola / saya percaya Yang Mulia Awang Haji Emran bin Haji Ismail mampu memikul amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu sebagai pemimpin di peringkat akar umbi yang perlu ditanai dengan sebaik-baiknya. Peramba / kaola / saya juga yakin beliau setentunya sudah mempunyai semangat,

kesanggupan dan tekad serta bersedia menghadapi apapun cabaran-cabaran dalam memikul amanah selaku Ketua Kampung untuk memenuhi harapan anak-anak buah Kampung Madang.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Kampung Madang mempunyai keramaian penduduk lebih kurang 1,700 orang yang terdiri daripada berbagai lapisan masyarakat di pelbagai peringkat umur. Dalam hubungan ini, perpaduan dan keharmonian di kampung ini adalah amat penting untuk dikekalkan serta dipertingkatkan. Oleh yang demikian Majlis Perundingan Kampung perlu memainkan peranannya sebagai tulang belakang kepada Ketua Kampung dalam sama-sama merancang, mengendalikan dan mengunyahkan kegiatan-kegiatan serta aktiviti-aktiviti kampung dengan mempertingkatkan

penglibatan dan penyertaan penduduk kampung dalam mencapai maksud dan hasrat perpaduan dan keharmonian tersebut.

6. Adalah jelas bahawa peranan, tugas dan tanggungjawab yang perlu ditanai dan dilaksanakan oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah menyeluruh dan penuh dengan cabaran yang merangkumi dan meliputi bukan sahaja hal ehwal kebajikan, kesejahteraan dan kemasyarakatan penduduk mukim dan kampung tetapi juga semua aspek dan hal ehwal kehidupan mukim dan kampung yang merangkumi pembangunan fizikal, ekonomi, sosial, keselamatan, keagamaan, kebudayaan dan lain-lain.

7. Dalam hubungan ini, sebagai Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bekerjasama dengan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam



memikirkan bersama untuk memajukan dan menjaga kesejahteraan dan kebajikan anak-anak buah kampung biskita dan seterusnya membuat rancangan-rancangan khususnya dalam mencemerlangkan kampung biskita. Pada hemat peramba / kaola / saya penuh percaya bahawa dengan kewibawaan dan tahap kepimpinan yang ada di dalam diri para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta sumbangan daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung masing-masing akan dapat mengusahakan bersama dalam meningkatkan mutu kesejahteraan dan keselamatan kampung iaitu penduduk-penduduknya. Disinilah jelas akan ternampak kesepakatan, permuafakatan dan setia kawan diantara para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Hadirin dan hadirat yang peramba / kaola / saya hormati sekalian,

8. Dalam menjaga kesejahteraan dan keamanan sebuah kampung itu ialah memastikan tiada penjenayah berlaku dan memastikan tiada ancaman keatas keselamatan nyawa dan harta benda menerusi kegiatan jahat penjenayah-penjenayah. Maka, peramba / kaola / saya menyarankan semua para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung akan dapat menggunakan Jawatankuasa Pengawasan Kejiranan Kampung dengan kerjasama agensi penguatkuasaan yang lain semata-mata bertujuan untuk menjaga keselamatan penduduk di dalam kampung atau mukim berkenaan. Bagi yang berhak bagi menubuhkan, peramba / kaola / saya sarankan supaya Ketua-Ketua Kampung akan berbuat untuk menubuhkan jawatankuasa berkenaan.

9. Peranan Penghulu Mukim serta Ketua Kampung dan Majlis-Majlis Perundingan Mukim Dan Kampung dalam memberikan maklumat-maklumat kepada pihak Agensi-Agensi Keselamatan dalam mengawasi dan memata-matai kegiatan yang mencurigakan yang berlaku di kawasan mukim mahupun kampung masing-masing adalah salah satu daripada usaha-usaha dalam kita sama-sama memelihara dan mengekalkan keamanan, ketenteraman, keselamatan dan kesejahteraan Kampung, Mukim, Daerah dan Negara.

10. Adalah penting bagi para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai pemimpin kepada anak-anak buahnya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya seperti sentiasa mengambil status terkini profile hal ehwal yang berkaitan dengan kampung halaman biskita sekurang-kurangnya

6 bulan sekali terutama statistik keramaian penduduk yang menetap termasuk menyimpan rekod simpanan dari masa ke semasa terhadap pendatang-pendatang baru di kampung biskita yang mana akan memudahkan para Penghulu Mukim dan Kampung membuat pemantauan yang mudah terhadap memeduli kesejahteraan dan kebajikan anak-anak buah kampung.

11. Akhirnya, pada kesempatan ini sukacita peramba / kaola / saya menyeru agar penduduk-peduduk Kampung Madang supaya akan berkerjasama dan memberikan sokongan padu kepada Yang Mulia Awang Haji Emran bin Haji Ismail selaku Ketua Kampung Madang, Mukim Berakas 'B' yang baru.

12. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan kepada Yang Mulia Awang Haji Emran bin Haji Ismail akan dapat menggiatkan usahanya dalam mengelinga dan memeduli keperluan dan

kepentingan masyarakat di kampung ini serta dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan cemerlang.

13. Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subahanahu Wata`ala semoga Yang Mulia Awang Haji Emran bin Haji Ismail akan sentiasa menerima rahmat, taufik dan hidayahNya jua dalam memimpin, menerajui serta mentadbir penduduk-penduduk Kampung Madang ini dengan penuh kejayaan dan kecemerlangan ke arah mencapai perkembangan dan kemajuan seperti yang dihasratkan.

14. Peramba / kaola / saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Ketua Kampung Madang sebelum ini iaitu Ketua Kampung Manggis I & II - Yang Mulia Mejar (B) Pengiran Haji Idros bin Pengiran Haji Mahmud semasa menjalankan pentadbiran dan pengurusan kampung serta

memeduli hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan anak-anak buah kampung.

15. Semoga sumbangan dan jasa bakti yang telah dihulurkan akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, Amin Ya Rabal Ala'min.

Sekian.

Wabilahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.